

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

BANK ISLAM RAI AIDILFITRI BERSAMA KOMUNITI NELAYAN TERENGGANU

TURUT HULUR SUMBANGAN ZAKAT

SETIU, TERENGGANU, Jumaat, [28 Jun 2019]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) hari ini menganjurkan Program AMAL Ihtimam Syawal 2019 bagi kawasan Wilayah Timur di Nelayan Resort, Setiu. Program ini merupakan aktiviti tanggungjawab korporat Bank Islam sempena Syawal dengan peruntukkan keseluruhan berjumlah RM45,000.00 untuk menyantuni golongan yang berhak menerima bantuan dari komuniti nelayan.

Program bermula di sebelah pagi di mana warga Bank Islam yang diketuai Ketua Pegawai Syariah Bank Islam, Ustaz Mohd Nazri Chik telah mengadakan Ziarah AMAL ke rumah lima keluarga asnaf mereka bagi menyampaikan bantuan barangan keperluan asas dan wang tunai.

Ustaz Mohd Nazri berkata, "Bank Islam mengambil kesempatan keberkatan Syawal ini untuk memberi sumbangan zakat sejumlah RM15,000 kepada 100 orang pelajar asnaf dari keluarga Persatuan Nelayan Kawasan Setiu. Kami mengharapkan agar sumbangan ini sedikit sebanyak akan dapat memberi kelegaan kepada keluarga dalam menguruskan persekolahan anak-anak. Selain itu, sebuah mesin tarik bot bernilai RM10,000 turut disumbangkan kepada Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Terengganu Utara yang bakal dimanfaatkan oleh 45 ahli komuniti nelayan. Secara keseluruhannya, Bank Islam telah memperuntukkan RM194,250.00 melalui dana zakat dan AMAL Bank Islam untuk dikongsikan bersama-sama 400 penerima manfaat bagi Program AMAL Ihtimam Syawal 2019 di Terengganu, Johor, Perlis dan Sarawak."

Program ini juga dihadiri oleh YM Tengku Mohd Anuar bin Tengku Mahmood, Pengerah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Terengganu dan Tuan Haji Omar bin Ismail, Pengerusi, Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Setiu.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.bankislam.com.my

Mengenai Bank Islam

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 149 cawangan dan lebih daripada 1000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com.my atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Mobile: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com.my	Omar Atin Hubungan Media & Editorial, Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Mobile: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com
--	--